



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



MENGUASAI PERTUTURAN DALAM UJIAN *MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST* (MUET): KAJIAN CABARAN DAN PELUANG PENINGKATAN

*MASTERING SPEAKING IN THE MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET): A STUDY OF CHALLENGES AND OPPORTUNITIES FOR IMPROVEMENT*

Marina Muhammad Razaki<sup>1\*</sup>, Noormaizatul Akmar Muhamad Nasir<sup>2</sup>, Nurul Husna Yaacob<sup>3</sup>, Raihan Mohd Arifin<sup>4</sup>, Banu Ramanan<sup>5</sup>, Che Syazana Che Ab Razak<sup>6</sup>

- <sup>1</sup> Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, Malaysia  
Email: marina@kias.edu.my
- <sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, Malaysia  
Email: maimaiza87@gmail.com
- <sup>3</sup> Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, Malaysia  
Email: fantaghiro\_normi14@yahoo.com
- <sup>4</sup> Jabatan Perancangan Penyelidikan Dan Inovasi, IPG Kampus Kota Bharu, Kelantan, Malaysia  
Email: raihanarifin667@gmail.com
- <sup>5</sup> Jabatan Perancangan Penyelidikan Dan Inovasi, IPG Kampus Kota Bharu, Kelantan, Malaysia  
Email: banuramanan84@gmail.com
- <sup>6</sup> Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, 43000 UPM Serdang Selangor, Malaysia  
Email: chesyazanarazak@gmail.com
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 31.07.2024

Revised date: 18.08.2024

Accepted date: 20.10.2024

Published date: 03.12.2024

**To cite this document:**

Razaki, M. M., Nasir, N. A. M., Yaacob, N. H., Arifin, R. M., Ramanan, B., & Razak, C. S. C. A. (2024). Menguasai Pertuturan Dalam Ujian *Malaysian University English*

**Abstrak:**

Menguasai kemahiran bertutur telah lama menjadi cabaran besar bagi pembelajaran bahasa. Hal ini memerlukan pembangunan strategi pengajaran yang berkesan untuk menangani aspek penting dalam penguasaan bahasa. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh calon-calon *Malaysian University English Test* (MUET) semasa penilaian bertutur. Soal selidik yang merangkumi pelbagai komponen pengucapan telah digunakan untuk mendapatkan gambaran mengenai kesukaran yang dihadapi oleh calon-calon ini. Data kajian dianalisis menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif di mana kebolehpercayaan instrumen soal selidik diuji dengan menggunakan ujian Cronbach Alpha, dan pekali alpha yang diperoleh melebihi 0.70 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa calon mengangap kosa kata

*Test (Muet): Kajian Cabaran Dan Peluang Peningkatan. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 9 (56), 24-38.*

DOI: 10.35631/IJEPC.956002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



(*vocabulary*) sebagai komponen yang paling mencabar semasa bertutur dalam bahasa Inggeris dengan skor min tertinggi iaitu 3.43. Dapatan ini menunjukkan keperluan bagi pengajar bahasa Inggeris untuk memberi lebih tumpuan kepada penguasaan kosa kata calon bagi membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih yakin tanpa dihalangi oleh batasan leksikal. Penemuan kajian ini penting kerana memberikan pandangan yang berharga kepada pengajar bahasa Inggeris mengenai cabaran yang dihadapi oleh calon semasa bertutur dalam bahasa Inggeris. Dengan pemahaman ini, pengajar boleh merangka strategi pengajaran yang lebih tepat dan mengubahsuai modul pembelajaran untuk meningkatkan tahap kecekapan keseluruhan calon

#### **Kata Kunci:**

Cabaran, Prestasi Pertuturan, Strategi Pengajaran, Kosa Kata, Ujian Pertuturan MUET

#### **Abstract:**

Mastering speaking skills has long been a significant challenge in language learning. This requires the development of effective teaching strategies to address key aspects of language acquisition. This study aims to identify the challenges faced by candidates of the Malaysian University English Test (MUET) during the speaking assessment. A questionnaire covering various components of speech was used to gain insights into the difficulties encountered by these candidates. The study's data were analyzed using a descriptive quantitative approach, with the reliability of the questionnaire instrument tested using Cronbach's Alpha, and an alpha coefficient exceeding 0.70 indicating the reliability of the instrument. Descriptive analysis results showed that candidates regarded vocabulary as the most challenging component when speaking in English, with the highest mean score of 3.43. These findings suggest the need for English instructors to focus more on improving candidates' vocabulary mastery to enable them to communicate more confidently without being hindered by lexical limitations. This study's findings are important as they provide valuable insights for English instructors into the challenges candidates face when speaking in English. With this understanding, instructors can design more effective teaching strategies and adapt learning modules to improve the overall proficiency of candidates.

#### **Keywords:**

Challenges, Speaking Performance, Teaching Strategies, Vocabulary Challenges, MUET Speaking Test

## **Pengenalan**

Ujian pertuturan Malaysian University English Test (MUET) memainkan peranan penting dalam menilai kecekapan lisan calon dalam bahasa Inggeris. Ujian ini bertindak sebagai medium penilaian untuk menilai tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar, dan merupakan prasyarat bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan (Sukri et al., 2023). Dalam pendidikan bahasa, pelajar dikehendaki menguasai empat kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, menulis, dan membaca (Miralpeix, & Muñoz, 2018). Kemahiran-kemahiran ini adalah elemen penting dalam ujian MUET, di mana setiap satu menyumbang kepada skor keseluruhan (Naaim, & Hashim, 2019; Jin, 2020). Walaupun MUET menilai kebolehan linguistik calon secara menyeluruh, komponen pertuturan sering menjadi cabaran terbesar serta menawarkan peluang kepada pelajar. Pertuturan lazimnya dianggap sebagai kemahiran bahasa

yang utama untuk mengukur kecekapan seseorang dalam penguasaan bahasa. Oleh itu, ramai pelajar mengutamakan pencapaian kecekapan bertutur sebagai objektif utama dalam pembelajaran bahasa (Rao, 2019). Menguasai keupayaan untuk bertutur dengan yakin dan berkesan adalah penting dalam penguasaan sesuatu bahasa.

Penguasaan kemahiran bertutur merupakan suatu cabaran, dan justeru itu, penting bagi pendidik untuk membangunkan modul pengajaran yang komprehensif dan merangkumi semua aspek yang diperlukan bagi mencapai kecekapan. Modul ini juga harus memberi keutamaan kepada aspek-aspek yang paling mencabar bagi pelajar. Untuk mencapai matlamat ini dengan berkesan, pendidik perlu terlebih dahulu mengenal pasti halangan yang dihadapi oleh pelajar bahasa Inggeris. Namun begitu, walaupun aspek ini penting, kajian mengenai faktor-faktor spesifik yang mempengaruhi prestasi calon dalam penilaian pertuturan masih terhad.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mendalami kerumitan tugas dalam mengenal pasti aspek pengucapan yang dianggap mencabar oleh pelajar. Kerumitan tugas, yang merujuk kepada tuntutan kognitif yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas pertuturan, merupakan faktor utama yang berpotensi mempengaruhi prestasi calon. Dengan meneroka aspek ini, pendidik boleh menyesuaikan metodologi pengajaran dengan lebih baik untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar.

### **Kajian Literatur**

Dalam dunia global hari ini, kemahiran bertutur diiktiraf sebagai komponen penting untuk mobiliti antarabangsa, kemasukan ke insituti pendidikan tinggi, dan peluang pekerjaan (Fulcher, 2015; Isaacs, 2016). Ia kini menjadi salah satu elemen utama dalam kebanyakan peperiksaan bahasa antarabangsa dan tempatan, sebahagiannya disebabkan oleh kebangkitan gerakan komunikatif dalam pengajaran dan penilaian bahasa (Fulcher, 2000). Dalam konteks pendidikan bahasa, pelajar dikehendaki menguasai empat kemahiran asas, iaitu mendengar, bertutur, menulis, dan membaca (Miralpeix, & Muñoz, 2018) untuk mencapai penguasaan bahasa yang baik. Dalam kemahiran asas ini, kemahiran bertutur sering dianggap sebagai penunjuk utama kejayaan pemerolehan bahasa. Justeru itu, ramai pelajar menjadikan penguasaan kemahiran bertutur sebagai matlamat utama dalam pembelajaran bahasa (Richards & Rendaya, 2002; Rao, 2019).

Menurut Shen dan Chiu (2019), pelajar bahasa Inggeris sering menghadapi cabaran yang boleh dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu psikologi, linguistik, dan persekitaran. Masalah psikologi termasuk kegugupan, ketakutan membuat kesilapan, dan kurang keyakinan diri. Dari sudut linguistik pula, kekurangan kosa kata, tatabahasa, ungkapan dan organisasi ayat merupakan antara isu yang dihadapi. Manakala, dari aspek persekitaran, ketiadaan konteks untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian turut menjadi halangan kepada pembelajaran yang berkesan. Ahsan, Asgher, dan Hussain (2020) menegaskan bahawa kurang keyakinan adalah faktor psikologi utama, terutamanya apabila pelajar merasakan bahawa rakan komunikatif mereka tidak memahami apa yang cuba disampaikan. Hal ini menimbulkan kebimbangan dalam komunikasi, terutamanya bagi pelajar yang kurang yakin dengan kemahiran komunikasi bahasa Inggeris mereka (Nunan, 1999). Kebiasaannya, pelajar yang kurang keyakinan diri dan mempunyai perasaan rendah diri akan menjadi cemas apabila berhadapan dengan masalah bahasa (Hanifa, 2018). Dalam beberapa kes, faktor linguistik seperti kekurangan kosa kata serta kurang memahami tatabahasa dan kolokasi turut menyumbang kepada penurunan keyakinan dan peningkatan kebimbangan, seperti yang dinyatakan oleh beberapa ahli bahasa (Kasbi, & Elahi Shirvan, 2017; Rahman, 2017).

Pelajar yang menghadapi kesukaran bertutur dalam bahasa Inggeris biasanya berdepan dengan cabaran yang boleh diklasifikasikan kepada isu afektif, sosial, dan linguistik (Afshar, & Asakereh, 2016). Hanifa (2018) menyatakan bahawa faktor afektif berkaitan dengan emosi dan personaliti pelajar. Isu afektif ini merangkumi faktor-faktor seperti sikap, keyakinan diri, motivasi, kebimbangan, tempoh pendedahan kepada bahasa, suasana bilik darjah, latar belakang keluarga, serta kecekapan pelajar dan guru. Sementara itu, isu sosial merujuk kepada kebolehan pelajar untuk mempraktikkan bahasa Inggeris di luar bilik darjah dan tahap kefahaman dalam sesi pengucapan. Isu linguistik pula melibatkan elemen seperti kosa kata, kefasihan, tatabahasa, dan sebutan (Jaya, Petrus, & Pitaloka, 2022).

Seperti yang dinyatakan di atas, kemahiran bertutur melibatkan pelbagai komponen untuk membolehkan komunikasi berkesan dalam sesuatu bahasa. Terdapat banyak kajian penyelidikan yang mengetengahkan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar bahasa dalam bertutur. Sebagai contoh, Suryani, Suarnajaya, dan Pratiwi (2020) melaporkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran untuk bercakap dengan baik apabila mereka kurang penguasaan tatabahasa, sebutan, dan kosa kata. Kajian lain oleh Faridi dan Joko Yulianto (2021) mendapati bahawa kebimbangan bahasa dicituskan oleh beberapa faktor, antaranya kebimbangan komunikasi, kebimbangan ujian, dan ketakutan terhadap penilaian negatif. Kebimbangan bahasa boleh menghalang pelajar daripada terlibat dalam aktiviti lisan. Dalam konteks penilaian pertuturan MUET, di mana pelajar perlu mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan, faktor ini jelas merupakan aspek penting yang boleh menjejaskan prestasi mereka. Selain itu, Leyaley (2023) menyatakan bahawa kekurangan motivasi, sifat pemalu, kebimbangan, dan kurang keyakinan diri adalah aspek yang sering menghalang pelajar daripada menyertai perbincangan kelas Bahasa Inggeris. Brown dan Principles (2001) menekankan bahawa kebimbangan boleh menghalang keupayaan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan berkesan, walaupun mereka mempunyai pengetahuan tentang topik tersebut, kerana mereka bergelut untuk menzahirkan diri.

Baru-baru ini, kerumitan tugas muncul sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa, termasuk prestasi bertutur dalam kalangan pelajar bahasa. Kerumitan tugas sangat relevan dalam konteks pendekatan pengajaran berasaskan tugas, yang merupakan konsep yang diperkenalkan oleh Prabhu pada tahun 1987 (Prabhu, 1987). Dalam konsep berasaskan tugas ini, Prabhu (1987) menekankan bahawa pelajar mencapai kecekapan yang lebih tinggi dalam bahasa sasaran melalui penglibatan aktif dalam aktiviti berasaskan tugas yang bermakna dan disesuaikan untuk mencapai objektif tertentu. Pendekatan ini menyumbang kepada pembangunan Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas (TBLT), yang telah dilaksanakan secara meluas dalam pengajaran bahasa di seluruh dunia. Teori Hipotesis Kognitif Robinson (2005) telah digunakan secara meluas sebagai kerangka teori dalam kajian mengenai kerumitan tugas (Frear & Bitchener, 2015; Yang et al., 2020; Mora et al., 2024) dan juga akan diterapkan dalam kajian ini. Kerangka teori ini mencadangkan bahawa tugas pedagogi perlu disesuaikan dengan keupayaan pelajar bahasa, dengan meningkatkan kerumitan kognitif secara beansur-ansur agar lebih selari dengan cabaran tugas di dunia sebenar (Robinson, 2005; Wang, 2020).

Oleh itu, kecekapan bertutur pelajar mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor, di mana setiap pelajar menghadapi cabaran yang berbeza dalam bertutur dalam bahasa Inggeris. Memahami kesukaran-kesukaran ini dapat membantu pengajar Bahasa Inggeris merangka pendekatan pedagogi yang lebih sesuai untuk menangani isu-isu tersebut.

## Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Pendekatan ini dipilih untuk mengumpulkan dan menganalisis data berangka mengenai pelbagai komponen kesukaran dalam pertuturan Bahasa Inggeris yang dihadapi oleh pelajar. Bagi memastikan sampel yang mewakili, persampelan rawak berstrata digunakan, melibatkan pelbagai jantina, tahap kemahiran, dan latar belakang akademik.

## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, ujian rintis dilakukan dengan menganalisis 30 sampel menggunakan SPSS versi 25. Kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini ditentukan menggunakan ujian alpha Cronbach.

## Instrumen

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian Parima Verapornvanichkul (2011), serta Rizki, Prawati, dan Masyhur (2020). Soal selidik tersebut mengandungi sebanyak 32 item menggunakan skala Likert lima mata, di mana setiap item memerlukan respon berdasarkan skala daripada sangat setuju hingga sangat tidak setuju, dengan skor antara 5 (untuk sangat setuju) hingga 1 (untuk sangat tidak setuju). Item-item dalam soal selidik ini dikategorikan kepada tujuh komponen utama: 1) kosa kata, 2) tatabahasa, 3) sebutan, 4) kebimbangan, 5) rasa malu, 6) kurang keyakinan, dan 7) kurang motivasi. Butiran item bagi setiap komponen dinyatakan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Komponen dalam Soal Selidik**

Komponen	No. Item	Jumlah Item
Kosa Kata	1 – 5	5
Tatabahasa	6 – 9	4
Sebutan	10 – 15	6
Kebimbangan	16 – 19	4
Rasa Malu	20 – 23	4
Ketidakyakinan	24 – 29	6
Kurang Motivasi	30 – 32	3

## Prosedur dan Pengumpulan Data

Soal selidik yang digunakan untuk pengumpulan data telah diedarkan kepada pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) secara persampelan rawak mudah, khususnya kepada mereka yang sedang membuat persediaan untuk peperiksaan MUET bagi sesi 1 tahun 2024. Calon-calon MUET ini sedang mengikuti kursus persediaan bagi melengkapkan diri mereka menghadapi peperiksaan MUET yang akan datang. Dalam soal selidik tersebut, tujuan kajian dinyatakan secara ringkas bagi memastikan peserta memahami kepentingan serta objektif penyertaan mereka. Sebanyak 30 borang soal selidik yang lengkap telah berjaya dikumpulkan, terdiri daripada 21 peserta perempuan dan 9 peserta lelaki.

## Analisis Data

Bagi tujuan analisis data, 30 sampel telah diambil untuk ujian rintis. Pekali alfa Cronbach digunakan untuk menilai kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Analisis seterusnya dilakukan dengan mengira min dan sisihan piawai bagi setiap item. Pendekatan ini memudahkan pengkaji mengenal pasti komponen dan item yang dianggap mencabar oleh responden dalam usaha mereka mempelajari kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris untuk ujian pertuturan MUET.

Tahap kesukaran bagi setiap item dan komponen ditafsirkan berdasarkan skor min yang diperolehi, dengan tafsiran tersebut diadaptasi daripada Alias (1997) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Interpretasi Skor Min**

Skor Min	Interpretasi
1.0 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

### Dapatan Dan Perbincangan

Dalam bahagian ini, hasil kajian dibentangkan dengan membincangkan ciri-ciri demografi responden dan prestasi mereka dalam subjek Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), serta mengenal pasti corak dan trend yang berkaitan dengan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar, terutamanya dari segi kemahiran bahasa dan faktor psikologi yang mempengaruhi prestasi. Hasil kajian ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai prestasi pelajar dalam konteks peperiksaan dan juga kemahiran bertutur Bahasa Inggeris.

**Jadual 3: Demografi**

Demografi	Kekerapan n=30	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	9	30
Perempuan	21	70
Skor Bahasa Inggeris (SPM)		
A+ / A	3	10.0
B+ / B	7	23.3
C+ / C	6	20.0
D+ / D	8	26.7
E / Gagal	6	20.0

Jadual 3 menunjukkan ciri demografi responden dan Skor Bahasa Inggeris (SPM). Daripada 30 peserta, 9 adalah pelajar lelaki (30%) dan 21 adalah pelajar perempuan (70%). Bagi pencapaian skor Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdasarkan kekerapan dan peratusan pelajar yang memperoleh gred tertentu, sebanyak 3 orang pelajar (atau 10.0%) memperoleh gred A+ atau A dalam subjek Bahasa Inggeris. Sebanyak 7 orang pelajar (atau 23.3%) memperoleh gred B+ atau B manakala sebanyak 6 orang pelajar (atau 20.0%) memperoleh gred C+ atau C. Bagi gred D+ atau D, sebanyak 8 orang pelajar (atau 26.7%) memperoleh gred tersebut. Terdapat 6 orang pelajar (atau 20.0%) gagal dalam subjek Bahasa Inggeris dengan memperoleh gred E. Secara keseluruhan, jadual ini memberikan gambaran tentang agihan prestasi pelajar dalam peperiksaan Bahasa Inggeris SPM, di mana majoriti pelajar berada dalam julat gred B hingga D, dan terdapat juga peratusan yang agak besar pelajar yang gagal atau mendapat gred E.

**Jadual 4: Nilai Cronbach Alpha**

Bil. Item	Nilai Cronbach Alpha
32	0.97

Jadual 4 menunjukkan nilai pekali Cronbach Alpha bagi 32 item soal selidik, iaitu 0.97, yang menunjukkan bahawa item-item dalam soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima untuk digunakan dalam kajian sebenar. Apabila meneliti setiap komponen dalam soal selidik, didapati bahawa kosa kata mencatat skor min tertinggi iaitu 3.43, seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Ini menunjukkan bahawa kosa kata merupakan aspek yang paling mencabar bagi responden ketika bertutur dalam bahasa Inggeris. Komponen-komponen lain pula menunjukkan tahap kesukaran yang sederhana.

Penilaian bercakap dalam MUET terdiri daripada dua segmen: pembentangan individu (Tugasan A) dan perbincangan berkumpulan (Tugasan B). Dalam Tugasan A, calon dikehendaki membentangkan maklumat, memberikan penjelasan, menyatakan keutamaan, serta membuat keputusan, manakala dalam Tugasan B, mereka perlu berinteraksi secara bergilir-gilir, merundingkan pemahaman bersama, menjalankan perbincangan, dan membuat kesimpulan (Abas & Jaffri, 2017). Kejayaan dalam menyelesaikan tugas ini amat bergantung kepada kepelbagaian kosa kata yang dimiliki oleh pelajar bagi membolehkan mereka menyampaikan idea dan pendapat dengan lancar. Kekurangan kosa kata mungkin menghadkan keupayaan mereka untuk turut serta sepenuhnya dalam perbincangan, walaupun mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang topik tersebut. Selain itu, ketidakupayaan untuk menyumbangkan pendapat dan berinteraksi semasa penilaian boleh meningkatkan kebimbangan serta mengurangkan keyakinan diri. Akibatnya, prestasi pertuturan mereka mungkin merosot apabila perbincangan berlanjutan.

**Rajah 1: Skor Min bagi Setiap Komponen**

*Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kosa Kata***Jadual 5: Nilai min dan sisihan piawai bagi Kosa Kata**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya berasa takut untuk bercakap dalam bahasa Inggeris kerana kosa kata saya terhad.	3.28	1.11	Sederhana
2	Saya rasa sukar untuk menyatakan idea secara lisan ketika bercakap dalam bahasa Inggeris.	3.50	0.95	Tinggi
3	Saya sentiasa keliru untuk menggunakan kosa kata yang betul ketika bercakap.	3.66	1.07	Tinggi
4	Saya jarang memberi maklum balas kepada rakan apabila mereka bercakap dalam Bahasa Inggeris dengan cepat.	3.09	0.93	Sederhana
5	Saya bermasalah untuk berbual dalam Bahasa Inggeris dengan rakan apabila saya tidak mengetahui sesuatu kosa kata.	3.59	0.91	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, secara purata, pelajar agak berasa takut bercakap dalam bahasa Inggeris kerana kosa kata yang terhad, namun masih pada tahap sederhana. Kesukaran untuk menyatakan idea secara lisan ketika bercakap dalam bahasa Inggeris adalah pada tahap tinggi. Ini bermaksud kebanyakan pelajar menghadapi cabaran besar dalam mengungkapkan pemikiran mereka. Ramai pelajar sering keliru untuk memilih kosa kata yang betul ketika bercakap, dan ini adalah cabaran besar bagi mereka. Respon pelajar untuk memberi maklum balas apabila rakan bercakap dengan cepat dalam bahasa Inggeris adalah sederhana. Ini menunjukkan ada sedikit kesukaran tetapi tidaklah terlalu membebankan bagi kebanyakan pelajar. Pelajar secara umumnya menghadapi masalah besar untuk terus berbual jika mereka tidak mengetahui kosa kata tertentu. Masalah ini dilihat serius dan mungkin menghalang kelancaran komunikasi. Secara keseluruhan, item-item ini menunjukkan bahawa masalah kosa kata dan ekspresi lisan adalah cabaran utama bagi pelajar dalam perbualan bahasa Inggeris, dengan kebanyakan item berada pada tahap kesukaran sederhana hingga tinggi.

*Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tatabahasa***Jadual 6: Nilai min dan sisihan piawai bagi Tatabahasa**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
6	Saya sukar menyusun perkataan menjadi ayat untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris.	3.38	1.04	Sederhana
7	Saya hanya bercakap Bahasa Inggeris apabila saya yakin tatabahasa saya betul.	3.25	1.14	Sederhana
8	Saya mempunyai tabiat menggunakan bahasa harian saya apabila bercakap dalam bahasa Inggeris untuk mengelakkan kekeliruan.	3.16	0.92	Sederhana



9	Saya tidak dapat berkomunikasi dengan berkesan kerana penguasaan tatabahasa yang terhad.	3.47	1.05	Tinggi
---	--	------	------	--------

Berdasarkan Jadual 6, pelajar mendapati sukar untuk menyusun perkataan menjadi ayat ketika bercakap dalam bahasa Inggeris. Tahap kesukaran adalah sederhana. Kebanyakan pelajar hanya berasa yakin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris apabila mereka yakin tatabahasa yang digunakan adalah betul. Kesukaran ini berada pada tahap sederhana. Pelajar sering cenderung untuk menggunakan bahasa harian mereka (bahasa ibunda) ketika bercakap dalam bahasa Inggeris untuk mengelakkan kekeliruan. Ramai pelajar merasa kesukaran berkomunikasi dengan berkesan kerana mereka mempunyai penguasaan tatabahasa yang terhad. Tahap cabaran ini adalah tinggi, menunjukkan masalah tatabahasa menjadi faktor utama yang menghalang komunikasi berkesan. Secara keseluruhan, jadual ini menunjukkan bahawa kesukaran pelajar dalam menggunakan tatabahasa yang betul dan menyusun ayat adalah cabaran yang sering dihadapi, dengan tahap kesukaran yang sederhana hingga tinggi. Masalah penguasaan tatabahasa jelas menjadi penghalang besar dalam komunikasi bahasa Inggeris mereka.

#### *Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Sebutan*

**Jadual 7: Nilai min dan sisihan piawai bagi Sebutan**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
10	Saya mengalami kesulitan memberi maklum balas kepada rakan dengan pelbagai loghat.	3.13	1.01	Sederhana
11	Saya menghadapi masalah memberi maklum balas kepada perbualan jika sebutan rakan tidak difahami.	3.34	0.97	Sederhana
12	Saya berasa malu untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris kerana saya tidak boleh menyebut dengan betul.	3.09	1.17	Sederhana
13	Saya sering menghadapi masalah komunikasi disebabkan salah faham terhadap apa yang saya dengar dan masalah sebutan.	3.19	1.12	Sederhana
14	Saya sering menghadapi masalah berkomunikasi dengan rakan-rakan kerana kelemahan dalam sebutan dan penekanan perkataan.	3.00	1.08	Sederhana
15	Saya sering mempunyai nada yang tidak tepat dan ini menyebabkan kekeliruan dalam komunikasi lisan.	3.00	1.11	Sederhana

Berdasarkan Jadual 7, pelajar secara sederhana menghadapi kesukaran untuk memberi maklum balas apabila rakan bercakap dengan loghat yang berbeza. Kesukaran dalam memberi maklum balas disebabkan sebutan yang tidak difahami berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa sebutan adalah satu faktor yang boleh mengganggu komunikasi yang berkesan. Selain itu, tahap rasa malu kerana tidak dapat menyebut perkataan dengan betul adalah sederhana. Ini

menunjukkan bahawa rasa malu disebabkan sebutan adalah faktor psikologi yang boleh menghalang pelajar daripada berkomunikasi. Kesukaran ini berada pada tahap sederhana, dengan beberapa pelajar menghadapi lebih banyak cabaran berbanding yang lain. Masalah salah faham akibat sebutan dan pendengaran memberi kesan kepada komunikasi. Masalah dalam sebutan dan penekanan perkataan memberi kesan sederhana kepada komunikasi pelajar. Walaupun terdapat pelbagai tahap kesukaran di kalangan pelajar, cabaran ini adalah perkara biasa. Masalah nada yang tidak tepat dalam komunikasi lisan juga berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa nada yang salah boleh menyebabkan kekeliruan, tetapi tahap kesukaran ini tidak terlalu ekstrem. Secara keseluruhan, Jadual 7 menunjukkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran sederhana dalam aspek loghat, sebutan, penekanan perkataan, dan nada ketika berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Faktor-faktor ini boleh menjejaskan keberkesanan komunikasi lisan, namun cabaran ini dilihat berada pada tahap yang tidak terlalu teruk tetapi tetap mempengaruhi kelancaran perbualan.

### *Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kebimbangan*

**Jadual 8: Nilai min dan sisihan piawai bagi Kebimbangan**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
16	Saya takut bercakap dalam bahasa Inggeris kerana risau ditegur sekiranya salah.	3.03	1.31	Sederhana
17	Saya mempunyai kurang keyakinan untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris kerana saya fikir rakan-rakan saya akan ketawa apabila saya salah sebut.	3.13	1.29	Sederhana
18	Saya berasa gugup apabila saya perlu bercakap Bahasa Inggeris di hadapan orang lain.	3.59	1.07	Tinggi
19	Saya berasa cemas apabila bercakap sehingga akhirnya kelu mengatakan apa-apa.	3.09	1.09	Sederhana

Jadual 8 menerangkan tahap kebimbangan pelajar dalam bercakap bahasa Inggeris, terutamanya apabila mereka berhadapan dengan situasi sosial yang melibatkan orang lain. Pelajar secara purata berasa takut untuk bercakap dalam bahasa Inggeris kerana kebimbangan akan ditegur jika mereka membuat kesalahan. Tahap kebimbangan ini sederhana. Kebimbangan bahawa rakan-rakan akan ketawa jika mereka salah menyebut sesuatu perkataan menyebabkan tahap keyakinan pelajar untuk bercakap dalam bahasa Inggeris agak rendah. Tahap kebimbangan ini berada pada tahap sederhana. Pelajar secara amnya berasa sangat gugup apabila mereka perlu bercakap bahasa Inggeris di hadapan orang ramai. Tahap kebimbangan ini tinggi, menunjukkan majoriti pelajar merasa tertekan dalam situasi ini. Kebanyakan pelajar mengalami perasaan cemas yang boleh menyebabkan mereka kelu atau tidak mampu berkata apa-apa ketika bercakap dalam bahasa Inggeris. Tahap kesukaran ini adalah sederhana. Secara keseluruhan, Jadual 8 menunjukkan bahawa pelajar menghadapi kebimbangan sederhana hingga tinggi ketika bercakap dalam bahasa Inggeris, terutama dalam situasi sosial yang melibatkan orang lain. Kebimbangan terhadap kesalahan, ditegur, atau diketawakan oleh rakan-rakan merupakan faktor yang menyebabkan keyakinan mereka

rendah. Keadaan ini menyebabkan rasa gugup dan cemas yang boleh menghalang kelancaran komunikasi.

### *Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Rasa Malu*

**Jadual 9: Nilai min dan sisihan piawai bagi Rasa Malu**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
20	Apabila saya mula bercakap dalam Bahasa Inggeris, fikiran saya tiba-tiba menjadi kosong dan lupa segalanya.	3.53	1.08	Tinggi
21	Saya berasa malu untuk bercakap Bahasa Inggeris kerana saya tidak mempunyai kebolehan berbahasa dengan lancar.	3.50	1.05	Tinggi
22	Personaliti saya yang pemalu menyebabkan Amasalah komunikasi antara saya dengan rakan-rakan.	2.63	1.04	Sederhana
23	Sifat malu menyebabkan saya mengelak untuk berbicara dengan rakan.	2.63	1.13	Sederhana

Jadual 9 menggambarkan pelajar secara amnya mengalami tahap kebimbangan yang tinggi apabila mula bercakap dalam bahasa Inggeris, sehingga menyebabkan fikiran mereka menjadi kosong dan terlupa apa yang ingin dikatakan. Kesukaran ini memberi kesan yang signifikan dalam komunikasi lisan. Pelajar merasa malu untuk bercakap dalam bahasa Inggeris kerana mereka berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai kelancaran berbahasa. Tahap kebimbangan ini berada pada tahap tinggi, menunjukkan bahawa kurangnya kelancaran bahasa menjadi halangan besar dalam keyakinan pelajar. Pelajar dengan personaliti pemalu menghadapi masalah komunikasi dengan rakan-rakan mereka. Walaupun kesukaran ini tidak terlalu tinggi, ia berada pada tahap sederhana, menunjukkan bahawa sifat malu kadang-kadang menjadi faktor yang menyekat komunikasi. Sifat malu menyebabkan sesetengah pelajar mengelak daripada bercakap dengan rakan-rakan. Tahap kesukaran ini juga sederhana. Secara keseluruhan, jadual ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi rasa malu yang tinggi apabila bercakap dalam bahasa Inggeris, terutamanya disebabkan oleh kurangnya kelancaran dan ketakutan fikiran menjadi kosong. Namun, pengaruh sifat pemalu pada komunikasi dengan rakan-rakan berada pada tahap sederhana, menunjukkan ia menjadi penghalang dalam sesetengah situasi, tetapi tidaklah terlalu ekstrem.

### *Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Ketidakyakinan*

**Jadual 10: Nilai min dan sisihan piawai bagi Ketidakyakinan**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
24	Saya tidak mahu bercakap dalam Bahasa Inggeris kerana saya takut rakan-rakan tidak memahami apa yang saya katakan.	2.88	1.01	Sederhana
25	Saya tidak memahami apa yang dikatakan oleh rakan saya, jadi lebih baik saya diam.	2.72	1.05	Sederhana
26	Perasaan gugup menyebabkan saya mengelak untuk berkomunikasi dengan	3.03	1.03	Sederhana

	rakan yang bertutur dalam Bahasa Inggeris.			
27	Saya mengalami kebimbangan ketika bercakap dalam Bahasa Inggeris mungkin kerana saya mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah.	3.38	1.04	Sederhana
28	Saya berasa tidak selesa semasa bercakap dalam Bahasa Inggeris, mungkin kerana saya kurang berlatih bercakap dalam Bahasa Inggeris dengan betul.	3.66	1.15	Tinggi
29	Saya lebih suka buat aktiviti sendiri daripada bekerja dalam kumpulan yang akan memaksa saya untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris.	2.69	1.06	Sederhana

Berdasarkan Jadual 10, pelajar merasa sederhana takut untuk bercakap dalam bahasa Inggeris kerana mereka risau rakan-rakan tidak akan memahami apa yang mereka katakan. Ini menunjukkan bahawa kebimbangan terhadap kefahaman orang lain sedikit menghalang komunikasi. Ketidakfahaman terhadap perbualan rakan menyebabkan pelajar lebih memilih untuk berdiam diri. Tahap kesukaran ini sederhana, menunjukkan bahawa masalah kefahaman menjadi penghalang komunikasi yang sederhana bagi pelajar. Gugup ketika berkomunikasi dalam bahasa Inggeris adalah pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mengalami kegugupan yang menyebabkan mereka mengelak untuk bercakap dengan rakan-rakan dalam bahasa Inggeris. Kebimbangan ketika bercakap dalam bahasa Inggeris disebabkan oleh keyakinan diri yang rendah berada pada tahap sederhana. Pelajar umumnya merasa cemas kerana keyakinan diri yang kurang kuat, tetapi tahap kebimbangan ini tidak begitu ekstrem. Perasaan tidak selesa ketika bercakap dalam bahasa Inggeris adalah tinggi, dan ini mungkin berpunca daripada kurangnya latihan bercakap secara betul. Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar berasa tidak yakin dan cemas kerana kekurangan pengalaman atau pendedahan kepada latihan bahasa Inggeris. Ramai pelajar lebih suka melakukan aktiviti sendiri daripada berkerja dalam kumpulan yang memerlukan mereka bercakap dalam bahasa Inggeris. Tahap kesukaran ini sederhana, menunjukkan bahawa sesetengah pelajar mengelak situasi yang memaksa mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

### *Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kurang Motivasi*

**Jadual 11: Nilai min dan sisihan piawai bagi Kurang Motivasi**

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
30	Saya hanya bercakap dalam Bahasa Inggeris apabila cikgu meminta saya untuk berbuat demikian.	3.16	1.35	Sederhana
31	Pengetahuan yang terhad tentang kepelbagaian budaya boleh mengurangkan keberanian saya untuk bercakap.	3.00	1.05	Sederhana
32	Saya kurang motivasi untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris apabila saya jarang	3.16	1.25	Sederhana

mendapat peluang berbual dalam Bahasa  
Inggeris dengan rakan-rakan.

---

Jadual 11 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi komponen kurang motivasi. Pelajar secara sederhana cenderung untuk bercakap dalam bahasa Inggeris hanya apabila diminta oleh guru. Ini menunjukkan bahawa motivasi dalaman untuk bercakap dalam bahasa Inggeris adalah sederhana, dan mereka lebih bergantung kepada arahan daripada keinginan sendiri untuk menggunakan bahasa tersebut. Pengetahuan budaya yang terhad mempengaruhi keberanian pelajar untuk bercakap dalam bahasa Inggeris pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa pemahaman yang kurang tentang budaya lain boleh menjadi halangan bagi mereka untuk berkomunikasi dengan lebih yakin. Pelajar merasa kurang motivasi untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris apabila mereka jarang mendapat peluang untuk berkomunikasi dengan rakan dalam bahasa itu. Tahap pengaruh ini sederhana, menunjukkan bahawa peluang berbual yang terhad memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keinginan mereka untuk memperbaiki kemahiran bahasa Inggeris. Secara keseluruhan, jadual ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai motivasi yang sederhana untuk bercakap dalam bahasa Inggeris, yang dipengaruhi oleh arahan guru, pengetahuan budaya yang terhad, dan kurangnya peluang untuk berbual dalam bahasa Inggeris. Walaupun mereka bersedia untuk bercakap apabila diarahkan, keberanian dan motivasi mereka tidak cukup tinggi tanpa sokongan atau peluang yang lebih baik untuk latihan dan interaksi.

### **Kesimpulan**

Ujian rintis yang dijalankan terhadap soal selidik tugas bercakap menggunakan 30 sampel menghasilkan pekali Cronbach's alpha sebanyak 0.97, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan instrumen yang sangat tinggi. Oleh itu, item-item dalam soal selidik ini dianggap boleh dipercayai, dan instrumen ini berpotensi digunakan secara meluas dalam kajian masa depan.

Antara komponen yang dinilai dalam soal selidik tersebut, komponen kosa kata muncul sebagai aspek yang paling mencabar bagi pelajar dalam bertutur, dengan skor min sebanyak 3.43. Kumpulan pelajar ini dilihat mengalami kesukaran dengan kosa kata yang terhad, yang menghalang keupayaan mereka untuk berkomunikasi dan berdiskusi secara berkesan. Penemuan ini mencadangkan bahawa pelajar cenderung bertutur dalam ayat yang pendek. Semasa penilaian bertutur ujian MUET, pelajar mungkin menghadapi kesukaran dalam menghuraikan isi dan menyatakan pendapat, walaupun mereka mempunyai justifikasi yang kukuh, disebabkan oleh ketidakupayaan untuk mencari perkataan Inggeris yang sesuai. Hal ini amat membimbangkan kerana kosa kata yang luas dan tepat adalah penting untuk kejayaan dalam bertutur, terutamanya dalam memudahkan komunikasi yang jelas melalui penggunaan struktur dan fungsi yang betul (Hutabarat & Simanjuntak, 2019).

Aspek bertutur yang lain menunjukkan tahap kesukaran sederhana, dengan komponen tatabahasa mencatatkan skor min sebanyak 3.31, komponen sebutan 3.13, komponen kebimbangan 3.21, komponen malu 3.07, komponen kurang keyakinan 3.06, dan komponen kurang motivasi 3.10. Guru-guru bahasa Inggeris dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua aspek yang digariskan dalam instrumen ini semasa membangunkan dan menyediakan modul pengajaran, dengan penekanan khusus diberikan kepada peningkatan kosa kata pelajar. Selain itu, disarankan agar guru memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan menyeronokkan, terutamanya memandangkan pelajar dilihat mempunyai motivasi

yang baik untuk mempelajari bahasa Inggeris. Dengan meningkatkan motivasi ini, pelajar akan lebih terdorong untuk memperbaiki semua aspek kemahiran bertutur yang lain.

Kajian ini menawarkan pandangan yang bernilai kepada pendidik bahasa mengenai cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam prestasi bertutur mereka. Dengan memahami cabaran-cabaran ini secara mendalam, pendidik boleh menyesuaikan kaedah pengajaran untuk menangani cabaran tersebut dengan lebih berkesan. Penyesuaian tugas pengajaran yang merangkumi semua komponen yang dikenal pasti, dengan penekanan khusus pada komponen yang dianggap lebih mencabar oleh pelajar, akan membolehkan pendidik memberikan sokongan yang lebih tepat. Pendekatan ini dapat memudahkan peningkatan kecekapan linguistik dalam kalangan pelajar, sekali gus meningkatkan hasil pembelajaran bahasa secara keseluruhan. Tambahan pula, pendidik boleh menilai semula reka bentuk tugas mereka dengan menilai prestasi bertutur pelajar dari semasa ke semasa, dan menyesuaikan struktur tugas mengikut keperluan. Proses berulang ini boleh memastikan penambahbaikan berterusan dalam strategi pengajaran, yang seterusnya akan meningkatkan prestasi bertutur pelajar.

### Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dalam membantu dari segi pembiayaan geran penyelidikan yang bertajuk “*Investigating The Impact of Task Complexity on Speaking Performance in MUET and Module Development As Educational Intervention*” dan sokongan dalam menyiapkan penulisan makalah ini.

### Rujukan

- Abas, A., & Jaffri, H. (2017). Students' experience on their communicative learning teaching in English speaking class. *Sains Humanika*, 9(3-2), 1-8.
- Afshar, H. S., & Asakerreh, A. (2016). Speaking Skills Problems Encountered by Iranian EFL Freshmen and Seniors from Their Own and Their English Instructors' Perspectives. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching*, 13(1).
- Ahsan, M., Asgher, T., & Hussain, Z. (2020). The effects of shyness and lack of confidence as psychological barriers on EFL learners' speaking skills: a case study of South Punjab. *Global Regional Review*, 2, 109-119.
- Alias, B. (1997). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*.
- Brown, H. D., & Principles, T. B. (2001). *An interactive approach to language pedagogy*. NY: Longman, 430.
- Fulcher, G. (2000). The 'communicative' legacy in language testing. *System*, 28(4), 483-497.
- Fulcher, G. (2015). *Re-examining language testing: A philosophical and social inquiry*. Routledge.
- Frear, M. W., & Bitchener, J. (2015). The effects of cognitive task complexity on writing complexity. *Journal of second language writing*, 30, 45-57.
- Hanifa, R. (2018). Factors generating anxiety when learning EFL speaking skills. *Studies in English Language and Education*, 5(2), 230-239.
- Hutabarat, A., & Simanjuntak, D. C. (2019). A Phenomenological Study: Speaking Anxiety Overwhelms English Learners. *Acuity. Journal of English Language Pedagogy, Literature and Culture*, 4(1), 44-59.
- Isaacs, T. (2016). *Speaking and writing*. In G. Fulcher & F. Davidson (Eds.), *The Routledge handbook of language testing* (pp. 72-87). Routledge.

- Jaya, H. P., Petrus, I., & Pitaloka, N. L. (2022). Speaking performance and problems faced by English major students at a university in South Sumatera. *Indonesian EFL Journal*, 8(1), 105-112.
- Jin, B. B. (2020). The impact of thinking aloud strategy on the learning of listening skills in MUET. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 15, 95-105.
- Kasbi, S., & Elahi Shirvan, M. (2017). Ecological understanding of foreign language speaking anxiety: emerging patterns and dynamic systems. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 2, 1-20.
- Leyaley, R. V. G. (2023). Students' Passiveness in Speaking English: The Culprit behind the Silence in the Classroom. *Open Journal of Social Sciences*, 11(8), 98-111.
- Miralpeix, I., & Muñoz, C. (2018). Receptive vocabulary size and its relationship to EFL language skills. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 56(1), 1-24.
- Mora, J. C., Mora-Plaza, I., & Bermejo Miranda, G. (2024). Speaking anxiety and task complexity effects on second language speech. *International Journal of Applied Linguistics*, 34(1), 292-315.
- Naa'im, N. A. B., & Hashim, H. B. (2019). The importance of social learning strategies in enhancing students' speaking skills in MUET. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 9(7), 68-81.
- Nunan, D. (1999). *Second Language Teaching & Learning*. Heinle & Heinle Publishers, 7625 Empire Dr., Florence, KY 41042-2978.
- Parima Verapornvanichkul. (2011). *A survey of problems in oral communication skills when dealing with English speaking clients a case study of employees at one the big 4 audit firms in Thailand*. Thammasat University.
- Prabhu, N. S. (1987). *Second language pedagogy* (Vol. 20). Oxford: Oxford university press.
- Rahman, A. W. (2017). How good EFL learners decrease their foreign language anxiety: A solution for the EFL students with high anxiousness. *Ethical Lingua: Journal of Language Teaching and Literature*, 4(2), 127-138.
- Rao, P. S. (2019). The importance of speaking skills in English classrooms. *Alford Council of International English & Literature Journal (ACIELJ)*, 2(2), 6-18.
- Richards, J. C., & Renandya, W. A. (Eds.). (2002). *Methodology in language teaching: An anthology of current practice*. Cambridge university press.
- Rizki, B. A. H., Prawati, A., & Masyhur, M. A. (2020). Survey On Speaking Problems Faced By The Second Year Students Of English Department Of Universitas Riau. *Jurnal Online Mahasiswa (JOM) Bidang Keguruan dan Ilmu Pendidikan*, 7(2), 238-246.
- Robinson, P. (2005). *Cognitive complexity and task sequencing: Studies in a componential framework for second language task design*.
- Suryani, I., Suarnajaya, I., & Pratiwi, N. (2020). Investigating the Inhibiting Factors in Speaking English Faced by Senior High School Students in Singaraja. *International Journal of language Education*, 1(4), 48-58.
- Wang, Y. (2020). *A Systematic Review of Task Complexity in Language Learning*.
- Yang, Q. F., Chang, S. C., Hwang, G. J., & Zou, D. (2020). Balancing cognitive complexity and gaming level: Effects of a cognitive complexity-based competition game on EFL students' English vocabulary learning performance, anxiety and behaviors. *Computers & Education*, 148, 103808.